

29 SEP 1998

Parlimen-Penarafan

MEKANISME UNTUK KAWAL AGENSI PENARAFAN AKAN DIPERKENAL

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- Kerajaan akan memperkenalkan satu mekanisme bagi mengawal agensi penarafan tempatan supaya penarafan yang dilakukan mereka boleh menolong pasaran wang dan tidak menjadi badan yang melemahkan syarikat, bank mahupun negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, walaupun Malaysia mempunyai agensi penarafannya sendiri "mereka juga menurut apa yang dicipta oleh agensi-agensi luar negara".

"Sebab itu, kita sedang memikirkan apakah cara kita boleh mengawal agensi penarafan supaya mereka boleh menolong pasaran dan bukan jadi orang yang melemahkan syarikat, bank atau negara sehingga ekonomi jadi lebih buruk bukan lebih baik.

"Ada cara-cara yang kita sedang fikir tetapi kita belum lagi "crystalise" pendekatan kita. InsyaAllah, satu hari kita akan dapat caranya dan kita akan perkenal cara-cara ini kepada dewan ini," katanya semasa menjawab beberapa soalan yang ditimbulkan anggota Dewan Rakyat selepas perbahasan mengenai Rang Undang-Undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1998, hari ini.

Rang Undang-Undang itu bertujuan memastikan semua dagangan saham yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dijalankan hanya di BSKL atau bursa saham yang diiktiraf oleh undang-undang.

Menurut Dr Mahathir, peranan agensi-agensi penarafan juga patut dikaji semula dan mereka perlu kembali ke peranan asal dengan membuat penarafan hanya apabila diminta berbuat demikian.

Beliau berkata, agensi penarafan merupakan satu lagi alat yang digunakan oleh Barat untuk memiskinkan negara yang bakal jadi pesaing mereka dalam pasaran dunia.

"Dengan menurunkan taraf kredit, kita terpaksa membayar faedah yang tinggi kalau kita ingin meminjam. Penarafan bermula dengan badan, yang apabila diminta oleh satu-satu pihak buat penarafan, menjalankannya dan hasil kerja itu dibayar oleh mereka yang meminta dibuat sesuatu penarafan berdasarkan maklumat yang diperolehi oleh mereka (penafsir).

Bagaimanapun, katanya, dalam kes Moody's dan Standard & Poor (yang kedua-duanya memberi penarafan yang rendah terhadap Malaysia), mereka membuat penarafan tanpa diminta oleh sesiapa.

"Mereka buat rating sesuka hati mereka. Apabila mereka mendapati bahawa pendapat mereka mempunyai begitu banyak kesan pada sesiapa yang mereka buat rating berkenaan, perasaan angkuh timbul dalam diri mereka kerana mereka (berpendapat mereka) boleh menentukan nasib sesebuah syarikat, bank mahupun negara.

"Kalau sesebuah negara mahu mengadakan sebarang peraturan, mereka boleh menjatuhkan rating negara itu dan negara itu terpaksa membayar faedah (bagi pinjaman) yang tinggi.

"Demikianlah apabila kita mengumumkan bahawa kita akan menubuhkan Danaharta (Pengurusan Danaharta Sdn Bhd) untuk membantu pinjaman tak berbayar. Mereka tahu bahawa kita terpaksa meminjam dari negara asing, jadi apabila mereka membuat penarafan, mereka burukkan Malaysia supaya kita terpaksa membayar faedah tinggi apabila kita meminjam," katanya.

Dr Mahathir berkata, berikutan penarafan agensi-agensi berkenaan, Malaysia menghadapi kesukaran untuk membuat pinjaman.

Kerana itu, katanya lagi, Malaysia terpaksa menggunakan perkhidmatan

perunding kewangan dari Amerika Syarikat, Solomon Smith Barney untuk menafikan penafaran tersebut, dan tambahan pula, syarikat itu sahaja yang berani menentang pendapat agensi-agensi berkenaan.

Menjawab soalan Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong), satu-satunya anggota pembangkang yang hadir dalam dewan semasa perbahasan bagi rang undang-undang ini, Dr Mahathir berkata masalah ekonomi yang dihadapi Korea kini bukan kerana ia menjadi tuan rumah Sukan Olimpik 1988 tetapi kerana masalah yang ditimbulkan akibat manipulasi dagangan mata wang oleh hedge funds (dana lindung nilai).

Beliau berpendapat Korea tidak sepatutnya menjadi muflis kerana mereka sedang menuju ke arah menjadi negara perindustrian yang maju.

"Seperti negara-negara Asia Timur lain, cara perniagaan di Korea bergantung kepada penabungan wang yang terlalu tinggi. Apabila mereka berhutang dengan banyak dan berlaku manipulasi mata wang, sukar bagi mereka hendak membayar hutang mereka. Apabila syarikat Korea menghadapi masalah, tak dapat tidak, negaranya juga menghadapi masalah," katanya lagi.

Kata beliau, Malaysia, umpamanya, yang menabung hampir 38 peratus daripada Keluaran Negara Kasar negara dan wang itu digunakan untuk memberi pinjaman bagi tujuan perniagaan.

Menjawab pertanyaan Tan bahawa sesebuah negara itu tidak mungkin muflis jika mempunyai rizab yang kukuh, Dr Mahathir berkata negara yang memiliki rizab yang besar sekalipun tidak mungkin dapat menentang hedge funds yang mempunyai keupayaan untuk menggandakan (leverage) modal mereka.

"Misalnya, modal hedge funds sekarang US\$180 billion. Kalau mereka leverage 20 kali bererti mereka mempunyai modal sebanyak US\$3.6 trillion. Malaysia umpamanya ada rizab sebanyak US\$21 billion, jadi apabila kita cuba lawan mereka kita terpaksa membeli Ringgit untuk menaikkan harga Ringgit sehingga akhirnya kita tidak mempunyai Ringgit lagi untuk menyaingi kekuatan mereka," katanya.

Ditanya bagaimana Hong Kong dapat mempertahankan dirinya sedangkan ia berada dalam situasi yang sama, Dr Mahathir berkata, mereka "peg" dollar mereka dengan dollar Amerika Syarikat sehingga merosakkan ekonomi mereka sendiri kerana terpaksa menanggung kos yang terlalu tinggi.

"Kadar faedah di negara itu kini telah menjadi terlalu tinggi sehingga menyebabkan nilai hartanya turun dan banyak peniagaanya bankrap. Kita boleh pertahan setakat termampu tetapi kosnya terlalu tinggi..," katanya lagi.

Dr Mahathir turut menyamakan kegiatan hedge fund seperti "penghisap darah" yang akan terus menghisap darah mangsanya dan berpindah ke negara lain dengan harapan negara yang mereka hisap dulu akan pulih.

Menurutnya, sebuah syarikat hedge fund di Amerika Syarikat, Long Term Capital Management (LTCM) misalnya sudah memberi pinjaman sebanyak US\$1 trillion dan tidak berupaya mendapatkan semula wang itu sehingga memaksa Federal Reserve (bank pusat) negara itu memaksa 16 buah banknya untuk menyelamatkan LTCM.

"Belumpun ia selesai, sekarang ini sebuah lagi hedge fund telah bankrap dan beberapa bank hadapi masalah. Kegiatan hedge fund begitu buruk sehingga negara termaju juga menghadapi masalah," katanya.

Sebelum itu, semasa membentangkan rang undang-undang itu, Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed berkata cadangan pindaan pada Akta Perindustrian Sekuriti itu akan mengharamkan dagangan luar pasaran seperti Central Order Limit Book (CLOB).

Katanya, untuk mempertingkatkan tahap ketelusan dalam dagangan saham, subseksyen 4(8) perlu dipinda dalam Fasal 3 bagi membatalkan pengecualian yang telah diberikan kepada pemegang-pemegang amanah tanpa faedah.

Dengan itu, pemegang amanah tanpa faedah yang mempunyai kepentingan dalam sekuriti melebihi nilai ambang yang ditentukan dalam undang-undang perlu menzahirkannya kepada Suruhanjaya Sekuriti (SC).

Menurutnya, pindaan kepada Seksyen 11 akta itu juga akan meningkatkan keupayaan penguatkuasaan BSKL untuk mengambil tindakan serta-merta ke atas mana-mana orang yang melanggar kaedah-kaedahnya.

Dalam pindaan itu, kadar penalti dicadang dinaikkan kepada RM1 juta kerana penalti yang sedia ada, iaitu RM250,000 tidak mencukupi untuk mencegah berlakunya pelanggaran kaedah-kaedah BSKL.

Rang undang-undang itu kemudiannya diluluskan sebulat suara.

-- BERNAMA

RA HAK SHO oba